

## **Lonjakan inovasi pemangkin jayakan Ekonomi MADANI**

Oleh Mohammad Abdul Hamid - Ogos 5, 2023 @ 1:47pm  
bhrencana@bh.com.my

Meneliti isi penting dalam wawasan 'Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat' diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ia bukan sekadar kerangka ekonomi baharu Malaysia bagi mengangkat semula darjat dan martabat negara.

Bahkan, ia pelan jangka pendek dan panjang dirangka untuk penstrukturkan semula ekonomi Malaysia bagi mengeluarkan negara daripada perangkap pendapatan pertengahan melanda negara selepas lebih dua dekad.

Ekonomi MADANI menyasarkan peratusan pendapatan buruh mencapai 45 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan, kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh mencapai 60 peratus, Indeks Pembangunan Manusia di tangga 25 teratas dunia, Indeks Persepsi Rasuah di tangga 25 teratas dunia dan kemampuan fiskal dengan defisit fiskal mencapai 3.0 peratus atau lebih rendah.

Sehubungan itu, komitmen dan fokus terbaik dan konsisten adalah diperlukan daripada semua pihak untuk merealisasikan matlamat Ekonomi MADANI ini.

Paling utama, perancangan menjayakan Ekonomi MADANI menuntut kepada kestabilan politik berpanjangan dan berkekalan, strategi tepat dan usaha dilipat ganda, bagi mencapai hasrat meningkatkan taraf hidup rakyat dan seterusnya semua lapisan masyarakat dapat menikmati kehidupan lebih berkualiti.

Justeru, bagi menangani masalah struktur ekonomi melanda ketika ini, langkah pembaharuan serius dan drastik diperlukan. Ia menuntut lonjakan inovasi dan produktiviti menerusi usaha pembangunan holistik jika mahu mengembalikan Malaysia sebagai satu kuasa ekonomi bersifat inklusif untuk semua.

### **Ekonomi berdasarkan sedekah**

Ekosistem inovasi kondusif dapat diwujudkan apabila ia dipacu secara bersama antara kerajaan, swasta, industri, institusi pengajian tinggi (IPT), institusi penyelidikan dan rakyat secara keseluruhannya.

Pada masa sama, usaha memacu inovasi dan produktiviti perlu berlaku seiring dengan komitmen Ekonomi MADANI untuk menghapuskan ketirisan dan memerangi budaya rasuah.

Seperkara yang mungkin kurang dipedulikan masyarakat, Ekonomi MADANI turut menekankan ekonomi berdasarkan sedekah. Perdana Menteri sendiri menggesa kewangan Islam perlu berubah kepada sesuatu lebih mampan dan berkesan dengan berhijrah daripada 'Halal' kepada 'Halal dan Tayyib (baik).

Dalam konsep ini, industri dan ekosistem kewangan Islam termasuk lembaga zakat dan wakaf, sistem perbankan dan pasaran saham Islam serta sukuk mempunyai peranan besar untuk mencapai hasrat ini.

Sistem ekonomi berdasarkan sedekah menekankan kepada budaya dan nilai murni dalam masyarakat serta semua pemegang taruh. Budaya menyumbang (filantropi) perlu disemarakkan dalam kalangan masyarakat dan industri.

Selain sumbangan wajib seperti zakat dan cukai, mereka yang berkemampuan perlu memberi sumbangan dalam pelbagai bentuk huluran mengikut kemampuan seperti memberi hutang tanpa riba, bantuan kewangan atau harta benda, pengguguran tuntutan atau sedia untuk mengurangkan, berwakaf, menghidupkan inisiatif taawuni dan takaful.

Budaya ini penting untuk mewujudkan negara makmur dengan agihan kekayaan saksama, di samping mengurangkan beban fiskal kerajaan kini menanggung hutang mencecah RM1.5 trilion.